

Kertas Bil. 92/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN
INVESTMENT GROUP (DEIG)
KERTAS BILANGAN 48/2015**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGANGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
12	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)	<p><u>Saranan Teras</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Oleh sebab DEIG akan mengendali aset-aset Kerajaan Negeri dengan nilai yang besar, maka Kerajaan Negeri hendaklah mempertingkatkan satu Kertas Putih yang menjelaskan peranan, pengurusan dan sistem urus tadbir DEIG kepada Dewan dan meyakinkan Dewan bahawa penubuhan DEIG adalah diperlukan dan perancangannya adalah menyeluruh. Sebelum Kertas Putih tersebut dibentangkan, segala aktiviti dan operasi DEIG terutamanya usaha sama dengan pihak swasta harus ditangguhkan manakala penstrukturan semula anak-anak syarikat MBI boleh diteruskan di peringkat MBI. <p><u>Saranan Sokongan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Jawatankuasa setuju dengan cadangan Jabatan Audit bahawa penstrukturan semula anak syarikat Kerajaan Negeri hendaklah dilakukan di peringkat MBI sendiri dan bukannya melalui penubuhan DEIG ataupun syarikat baru. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan penubuhan DEIG. 			<p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 21 Oktober 2015 mengambil maklum tentang penyata. MMKN menegaskan bahawa penjelasan yang diberikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar di dalam Dewan selepas penyata ini dibentangkan semasa Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 18 Ogos 2015 adalah memadai (sufficient) sebagai maklumbalas dari Kerajaan Negeri. YAB. Dato' Menteri Besar juga telah pun membentangkan fakta di dalam penyata berkenaan ketika penjelasan di dalam Dewan.</p>



MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGANGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
		<p>2. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji keperluan untuk meminda Enakmen Perbadanan Menteri Besar 1994 untuk meningkatkan ketelusan urus tadbir MBI. Contohnya, mewajibkan MBI untuk membentangkan laporan kewangan mereka kepada Dewan Negeri dan memastikan pengurusannya diaudit oleh Jabatan Audit Negeri.</p> <p>3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan bahawa DEIG mempunyai sistem urus tadbir yang menyeluruh dan telus sebelum DEIG memulakan operasi dan bukan sebaliknya.</p> <p>4. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula dasar dan objektif penubuhan DEIG supaya peranan yang dimainkan oleh DEIG menerapkan nilai kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam urusan pentadbiran korporat dan bukannya berperanan melindungi MBI daripada tindakan undang-undang.</p> <p>5. MBI dan DEIG hendaklah sentiasa memberikan maklum balas berhubung proses penstrukturan semula anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri.</p>			



Y.A.B. MOHAMED AZMIN BIN ALI, S.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR